

BAHAGIAN A [25 markah]

1. Dalam setiap ayat di bawah ini terdapat satu **kesalahan tatabahasa**. Gariskan kesalahan tersebut dan tulis jawapannya pada ruang yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

(i) Deretan kedai-kedai di Jalan Taming Sari telah terbakar pada petang semalam akibat litar pintas.

(ii) Ibu membeli beberapa bentuk mutiara untuk dibuat rantai tangan.

(iii) Pelayan Restoran Niza menghidangi masakan Thai kepada pelanggannya.

(iv) Program bacaan dinamik akan diadakan di dalam bulan Oktober.

(8 markah)

2. Dalam setiap ayat dibawah ini terdapat satu **kesalahan ejaan**. Kenal pasti dan betulkan kesalahan tersebut. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

(i) Kontrektor binaan itu diberi kuasa untuk membina stesen bas yang baharu untuk keselesaan para penumpang

(ii) Aina berkulit hitam dan berambut kerinting

(iii) Remaja itu menonton basikal yang rosak itu ke sebuah bengkel

(3 markah)

3. Cerakinkan setiap ayat majmuk dibawah ini supaya menjadi dua ayat tunggal.

(i) Pembinaan lebuh raya memendekkan jarak perjalanan dan menjimatkan masa.

(a) _____

(b) _____

(ii) Golongan remaja mahupun golongan tua hendaklah berusaha sedaya upaya untuk memajukan lagi negara ini.

(a) _____

(b) _____

(iii) Barang buatan Malaysia bukan sahaja bermutu, malah dapat bersaing dengan barang luar negara.

(a) _____

(b) _____

(iv) Peperangan menyebabkan kehidupan huru-hara dan banyak harta benda akan musnah.

(a) _____

(b) _____

(v) Kanak-kanak itu pulang ke rumah masing-masing tatkala hari mulai senja


(a) _____

(b) _____

(10 markah)

4. Lihat gambar di bawah ini dengan teliti, kemudian tulis peribahasa yang sesuai dengan gambar tersebut.

(i)



(2 markah)

(ii)



(2 markah)

Bahagian B [30 markah]

5. Baca pantun di bawah dengan teliti dan jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

AKU	
Tidak ada manusia lain di pantai ini kecuali diriku	Tidak terasa olehku sentuhan angin ini bertiup di mana-mana
Kususur pasir panjang Sambil kubayangkan aku ini Adam	Bahkan aku tidak tahu kulit kerang dan ru pernah wujud di sini
Hari inilah aku tercipta dan pertama kali melihat laut, langit dan pohon	Tuhan aku percaya Kau Pencipta kerana aku baru ada
Kelmarin aku belum ada Tidak terdengar olehku Bunyi ombak iu	ROSLI K.MATARI (Dipetik daripada antologi Kuingin Berterima Kasih, Tingkatan 1 Dewan Bahasa & Pustaka)

- (i) Apakah yang dibayangkan oleh penyajak dan perkara yang pertama kali dilihatnya sewaktu menyusuri pantai yang panjang. (3 markah)

- (ii) Kemukakan **2 pengajaran** yang diperoleh daripada sajak di atas. (3 markah)

- (iii) Pada pendapat anda, apakah kesan tidak mempercayai kewujudan Tuhan kepada seseorang? (4 markah)

6. Baca petikan cerpen dibawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri

Hatta, maka pada suatu waktu kedua-dua orang suami isteri itu meninggal dunia. Mereka meninggalkan dua orang anaknya itu yang masih kecil. Kedua-dua orang anak yatim itu belum dapat mencari nafkahnya sendiri kerana mereka masih terlalu kecil . Segala ternakan dan harta benda peninggalan orang tuanya habis diambil orang-orang jahat, sehingga kedua-dua anak yatim itu melarap hidupnya. Hanya sebuah kolam ikan yang digali dan dibuat sendiri oleh ayahnya sahaja yang tinggal dan tidak dapat dicuri atau diambil oleh orang-orang jahat itu. Pusaka satu-satunya yang tinggal itulah yang selalu dijaga siang dan malam oleh kedua-dua orang anak yang malang itu. Anak yang sulung sudah agak besar , akan tetapi sayang sekali anak itu cacat. Kakinya kerekot, jari-jari kakinya tumbuh melekat satu sama lain, seperti kaki itik dan kedua-dua tumitnya berlubang.

Hatta, maka pada suatu hari pergilah Si Bongsu melihat-lihat kolam ikan peninggalan orang tuanya. Didapati dekat kolam itu tujuh orang wanita baru sahaja selesai mandi dan sedang bersiap-siap untuk berangkat pulang. Maka berkatalah anak yatim piatu itu kepada tujuh orang wanita itu, : Jikalau tuan hamba tidak keberatan, perkenanlah kiranya saya turut sama.” Jawab tujuh orang wanita itu, “ Jikalau saudara mahu, apa salahnya . Kami tidak keberatan sama sekali. Akan tetapi saudara sendirilah yang mahu ikut dengan kami dan kami tidak berkeberatan.”

Kemudian tujuh orang wanita itu pun pergi dan diikuti oleh anak yatim itu. Mereka menuju ke kayangan dengan mempergunakan pelangi sebagai tangganya. Tujuh hari tujuh malam, mereka berjalan, akhirnya sampailah mereka di kayangan.

(Dipetik oleh prosa tradisional *Asal Padi*,
antologi *Kuingin Berterima Kasih*, Tingkatan 1, Dewan Bahasa dan Pustaka)

- i) Berdasarkan petikan di atas,mengapakah kedua-duan orang anak yatim piatu itu hidup melarap? (3 markah)

- ii) Nyatakan **dua nilai** yang terdapat dalam petikan tersebut. (3 markah)

- iii) Pada pendapat anda,mengapakah Si Bongsu ingin mengikut tujuh orang wanita itu pulang ke kayangan? (4 markah)

7. Jawapan anda hendaklah berdasarkan satu daripada novel yang telah anda kaji di Tingkatan 1

- Pelari Muda karya Ghazali Ngah Azia

i) Berdasarkan novel yang anda kaji, berikan **satu latar** berikut beserta contoh yang sesuai (10 markah)

- Latar tempat
- Latar masa
- Latar masyarakat

BAHAGIAN C [15 MARKAH]

8. Lihat poster di bawah dengan teliti. Berdasarkan poster tersebut, tulis ulasan yang panjangnya antara **80 hingga 100** patah perkataan.



Bahagian D [30 markah]

- 9.** Pilih **satu** daripada soalan dibawah ini. Tulis sebuah karangan yang panjangnya **lebih daripada 180 patah perkataan**.

- (i) Badan Pegawas Sekolah anda telah ditugaskan untuk mengendalikan sambutan Hari Guru peringkat sekolah. Selaku setiausaha, anda dikehendaki menulis laporan tersebut.

Tulis laporan anda selengkapnya.

- (ii) Sesetengah rakyat Malaysia didapati menghidap obesiti serta pelbagai penyakit akibat amalan pemakanan yang tidak seimbang.

Bincangkan langkah-langkah mengatasi masalah ini dikalangan rakyat Malaysia.

- (iii) Tulis sebuah karangan yang diakhiri dengan petikan dibawah.

.....Selepas peristiwa itu, saya tidak berani keluar rumah seorang diri. Peristiwa itu benar-benar memberikan pengajaran kepada diri saya

~~~~~**KERTAS SOALAN TAMAT**~~~~~